MODULPENINGKATANAKADEMIKSELANGORMODULPENINGKATANAKADEMIKSELANGOR

946/1 STPM

SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA

PENGAJIAN PERNIAGAAN

KERTAS 1

MODUL PENINGKATAN AKADEMIK SELANGOR

TINGKATAN ENAM

(SEMESTER 1)

SKEMA PEMARKAHAN

Bahagian A [50 markah]

Jawab **semua** *soalan*

1. Huraikan **tiga** perbezaan antara organisasi perniagaan dengan bukan perniagaan [6]

Tiga perbezaan antara organisasi perniagaan dengan bukan perniagaan

Aspek	Organisasi Perniagaan	Organisasi Bukan Perniagaan
Tujuan penubuhan	Memaksimumkan keuntungan[1]	Memberi kebajikan kepada masyarakat[1]
Aktiviti Utama	Jualan barang dan perkhidmatan serta pengeluaran[1]	Aktiviti bercorak kemasyarakatan [1]
Sumber kewangan	Diperoleh daripada modal sendiri atau pemegang saham [1]	Diperoleh daripada yuran ahli, derma atau tajaan sesuatu pihak [1]
Pendaftaran organisasi	Didaftarkan dengan ROC (Pendaftar Syarikat) [1]	Didaftarkan dengan ROS (Pendaftar Pertubuhan) [1]
Perundangan (Penubuhan)	Ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 [1]	Ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan 1966 [1]

3 perbezaan pertama x 2 =6 markah

2. Berikan **empa**t aktiviti perniagaan berasaskan perkhidmatan [4]

Empat aktiviti perniagaan berasaskan perkhidmatan

1. Peruncitan
2. Pemborongan
3. Kewangan
4. Perhotelan
5. Pendidikan
6. Komunikasi
7. Profesional
8. Pengangkutan

Empat fakta yang pertama

3. Nyatakan **empat** kelemahan kaedah pemeriksaan secara menyeluruh. [4]

Empat kelemahan kaedah pemeriksaan secara menyeluruh

F1	Kos pemeriksaan yang sangat tinggi.	[1]
F2.	Memerlukan masa yang lama untuk melakukan pemeriksaan.	[1]
F3	Melibatkan pekerja yang ramai untuk membuat pemeriksaan.	[1]
F4	Tidak sesuai untuk pengeluaran yang bersaiz besar atau pengeluaran secara massa.	[1]

4F x 1 = 4

4. Huraikan **tiga** pendekatan kawalan kualiti yang boleh digunakan dalam proses pengeluaran. [6]

Tiga pendekatan kawalan kualiti yang boleh digunakan dalam proses pengeluaran ialah

F1	Kawalan input	[1]
H1	Kawalan keatas input seperti bahan mentah, modal, modal insan yang dilakukan sebelum aktiviti pengeluaran bermula bagi memastikan semua input adalah yang terbaik tanpa sebarang masalah	[1]

F2	Kawalan proses	[1]
H1	Kawalan yang dilakukan pada peringkat input ditransformasikan kepada output dan bertujuan untuk menyisih barangan cacat .	[1]

F3	Kawalan output	[1]
H1	Kawalan yang dibuat selepas proses pengeluaran tamat yang bertujuan untuk membuat penambahbaikan terhadap proses dan membolehkan tindakan pembetulan diambil.	[1]

3F + 3H = 6 markah

5. Huraikan **dua** langkah terakhir dalam proses pemasaran. [4]

Langkah 3 Membina Campuran Pemasaran [1m]

i. Pemasar merancang dan membentuk strategi pemasaran yang sesuai dengan produk dan segmen pasaran yang dipilih. [1m]/

ii. Pemasar membentuk campuran pemasaran yang terdiri daripada produk, pengedaran, penentuan, harga dan promosi bagi segmen pasaran tersebut.[1m]

Langkah 4 Mengurus Usaha Pemasaran [1m]

i. Melaksana aktiviti pemasaran yang melibatkan pembangunan produk, penetapan harga, kaedah promosi dan pengedaran.[1m]/

ii. Mengenalpasti campuran pemasaran terbaik, pemasar harus mengurus usaha-usaha pemasaran melibatkan aktiviti perancangan, melaksana dan mengawal proses pemasaran. [1m]/

iii. Pemasar dapat memantau dan mengubahsuai campuran pemasaran mengikut perubahan persekitaran pemasaran. [1m]

[2F + 2H = 4m]

6. Huraikan **tiga** aspek faktor psikologi yang mempengaruhi keputusan pembelian produk pengguna.

Tiga aspek faktor psikologi yang mempengaruhi keputusan pembelian produk pengguna ialah: [6]

i) Motivasi -1
Merupakan pendorong yang mendesak individu untuk memenuhi keperluan dan kehendaknya yang pelbagai.-1

ii) Persepsi -1
Setiap pengguna mempunyai persepsi yang berlainan tentang produk yang ditawarkan di pasaran dari segi harga, kualiti, reka bentuk, warna dan jenama.-1

iii) Personaliti/konsep kendiri-1
a) Merupakan sifat-sifat individu yang unik dan konsisten serta dikaitkan dengan sifat peribadi seseorang.-1/
b) Personaliti yang berbeza akan mempengaruhi gelagat pengguna dalam membuat keputusan pembelian.-1

iv) Pembelajaran/pengalaman -1
Merujuk kepada pengalaman dan pemerhatian lepas yang mempengaruhi perlakuan atau gelagat pengguna.-1

v) Sikap-1
Merupakan penilaian dan tindakbalas yang konsisten terhadap sesuatu produk atau idea oleh seseorang yang seterusnya akan menentukan sama ada dia suka atau tidak terhadap produk tersebut.-1

3F+3H yang pertama = 6m

7. Huraikan **tiga** peranan pengurus kewangan. [6]

Tiga peranan pengurus kewangan

i) Membuat perancangan kewangan -1

Pengurus kewangan bertanggungjawab menyediakan perancangan kewangan jangka pendek dan jangka panjang berasaskan keperluan perniagaan dan pelaburan sedia ada.-1

ii) Menjaga kecairan dan keberuntungan syarikat -1

Pengurus menjaga ketersediaan tunai dan nisbah kecairan yang sesuai serta menentukan keberuntungan yang diperoleh daripada aktiviti syarikat berdasarkan risiko kewangan yang bakal dihadapi.-1

iii) Menilai dan memilih sumber pembiayaan terbaik -1

Sumber kewangan boleh diperoleh dengan cara mendapatkan modal dan membuat pinjaman.-1

iv) Mengurus struktur aset -1

Pengurus kewangan menentukan penggunaan asset tetap yang akan menghasilkan pulangan maksimum sebelum membuat keputusan penggunaan yang seimbang antara aset tetap dengan aset semasa.-1

8. Huraikan perkara berikut

a) Nisbah semasa [2]

H1 Nisbah ini mengukur peratusan aset semasa daripada liabiliti semasa-1/

H2 Nisbah semasa yang kurang daripada satu menunjukkan firma mungkin tidak berupaya untuk menjelaskan semua tuntutan liabiliti semasanya. -1/

H3 Formula:

Nisbah semasa = $\frac{\text{Aset semasa}}{\text{Liabiliti semasa}}$ / -1

H4 Nisbah semasa melebihi 1 menunjukkan aset semasa mampu membiayai liabiliti semasa. -1

Pilih mana-mana 2 huraian .

b) Pusing ganti inventori [2]

H1 Pusing ganti inventori menunjukkan kekerapan pusingan inventori dalam setahun -1/

H2 Pusing ganti inventori mengukur keupayaan firma untuk menjual produknya/

H3 Nilai pusing ganti inventori yang rendah menunjukkan firma tidak berupaya untuk menjual produknya dan firma terpaksa menanggung kos pemegangan, penyimpanan dan keusangan inventori tinggi.-1/

H4 Formula :

$$\text{Pusing ganti inventori} = \frac{\text{Kos Jualan}}{\text{Inventori}} \quad / \quad -1$$

H5 Nilai pusing ganti inventori yang tinggi menunjukkan inventori cepat ditukar kepada jualan .\

Mana-mana 2 huraian

9. Jelaskan **langkah kedua** dan **langkah ketiga** dalam proses perancangan sumber manusia [6]

Langkah kedua dalam proses perancangan sumber manusia ialah:

F1 Menentukan Keperluan

H1 Penentuan sumber manusia dibuat melalui peramalan sumber manusia dengan inventori sumber manusia.

H2 menentukan keperluan merupakan suatu anggaran bilangan dan jenis pekerja yang diperlukan oleh organisasi pada masa hadapan.

Contoh: Jika inventori sumber manusia kurang berbanding dengan penambahan keperluan masa hadapan , hal ini memerlukan perancangan pengambilan pekerja.

Langkah ketiga dalam proses perancangan sumber manusia ialah:

F2 Memenuhi keperluan

H1 memenuhi keperluan ialah merancang proses pengambilan pekerja sesuai dengan permintaan organisasi.

H2 Perancangan sumber manusia akan merancang proses pengambilan pekerja daripada sumber dalaman atau sumber luaran.

H3 Menentukan keperluan sumber manusia secara kualitatif dan kuantitatif dengan menggunakan carta penggantian dan inventori kemahiran.

Contoh: Penambahan pekerja ketika ekonomi meningkat perlu program menarik pekerja bagi meningkatkan pengambilan pekerja.

2F +2H+2C =6

#Terima sebarang Contoh yang relevan.

Jawab **satu** soalan sahaja

12. Jelaskan **dua** jenis sumber dana jangka panjang dan **tiga** jenis sumber dana jangka pendek [20]

Dua sumber dana jangka panjang ialah

F1. Bon -1

H1 Sekuriti hutang jangka panjang yang dikeluarkan oleh sesebuah perniagaan untuk dijual kepada individu dan institusi kewangan bagi mengumpul modal.

H2. Kontrak formal untuk penerbit bon membayar balik wang yang dipinjamkan pada tarikh matang.

H3. Faedah secara bertempoh pada suatu masa tetap.contoh setiap enam bulan atau setahun

H4 Pemegang bon adalah pemberi pinjaman(pemiutang) dan penerbit bon adalah peminjam (penghutang)

Contoh Bon seperti bon kerajaan ,bon korporat, bon biasa

F2 Ekuiti -1

H1 Pelaburan dana daripada pemilik perniagaan sama ada dalam bentuk saham biasa atau perolehan tertahan dalam perniagaan

H2 Saham biasa menunjukkan pemilikan sesebuah syarikat dan tiada tempoh matang.

H3. Pemegang saham mempunyai hak mengundi , hak ke atas aset dan hak ke atas pendapatan.

H4 Perolehan tertahan – keuntungan bersih syarikat yang tidak diagihkan kepada pemegang saham dalam bentuk dividen

H5 Disimpan dalam syarikat untuk mengembangkan perniagaan.

Contoh :Saham biasa yang diterbitkan oleh Syarikat TXT Sdn Bhd.

F3 Saham keutamaan

H1 Aset kewangan syarikat yang tiada tempoh matang dan dibayar dengan kadar faedah ke atas pemilikan saham.

H2 Satu instrument kewangan yang menggabungkan ciri ciri sekuriti hutang dan saham biasa .

H3 Pemegang saham keutamaan akan menerima pulangan dalam amaun yang tetap pada setiap tempoh yang ditetapkan

13. Jelaskan empat aspek pemilihan dalam proses pengambilan sumber manusia bagi jawatan pengurus di sebuah syarikat swasta. [20]

Empat aspek pemilihan dalam proses pengambilan sumber manusia bagi jawapan Pengurus di sebuah syarikat swasta ialah :

No. Soalan	Fakta / Huraian /Contoh
13	**F1 Borang permohonan -1** H1 Maklumat berkenaan calon yang diisi sama ada secara manual atau dalam talian; -1 H2 Langkah awal dalam penapisan/senarai pendek calon yang berjaya-1 H3 Maklumat calon dinilai berdasarkan kriteria jawatan yang telah Ditetapkan -1 H4 Jawatan Pengurus memerlukan kelulusan Ijazah dalam bidang Berkaitan -1 Contoh : Encik mengisi borang permohonan untuk jawatan pengurus pemasaran di Syarikat CCC Sdn Bhd **F2 Semakan Rujukan -1** H1 Rujukan ialah pihak lain yang boleh memberi maklumat tambahan tentang pemohon pekerjaan. H2 Tujuan utk tapisan keselamatan H3 Pihak lain adalah seperti majikan terdahulu atau pensyarah calon tempat belajar di kolej/universiti. H4 Merujuk kepada pengurusan syarikat/majikan terdahulu tempat calon bekerja Contoh: Encik Ali meletakkan nama Pengurus Besar syarikat lamanya sebagai semakan rujukan. **F3 Temuduga** H1 Proses pertukaran maklumat antara calon dengan organisasi H2 Bertujuan mendapatkan maklumat lebih daripada calon tentang pengalaman dan kemahiran. H3 Dengan melihat gelagat atau personaliti calon dapat mengetahui sikap dan pendirian calon. H4 Memastikan kesahihan maklumat yang diberikan dalam borang permohonan H5 Mengenal pasti calon yang benar-benar sesuai dan menyingkirkan calon yang tidak memenuhi kriteria. Contoh: Encik Ali dipanggil untuk sesi temu duga selepas seminggu

Suka sampel ini?

Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Pengajian Perniagaan

- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SEKARANG >

nightmew.com/p/stpm · FPX online banking · download serta-merta